

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**TAWARAN KEMASUKAN MURID LEPASAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2021
KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2022**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa keputusan tawaran bagi kemasukan ke Tingkatan Enam tahun 2022 akan diumumkan pada **7 Julai 2022**.

Murid lepasan SPM tahun 2021 boleh membuat semakan keputusan tawaran dan pendaftaran kemasukan ke Tingkatan Enam tahun 2022 melalui kaedah berikut:

- i. secara dalam talian menerusi Aplikasi dalam Talian Tingkatan Enam melalui pautan **<https://sst6.moe.gov.my/>** atau
- ii. murid lepasan SPM tahun 2021 yang tidak mempunyai capaian internet boleh menyemak keputusan tawaran melalui sekolah asal masing-masing.

Murid lepasan SPM tahun 2021 yang tidak menerima tawaran ke Tingkatan Enam boleh mengemukakan permohonan rayuan secara dalam talian melalui pautan <https://sst6.moe.gov.my/> mulai **7 hingga 24 Julai 2022**. Bagi murid yang tidak mempunyai capaian internet pula, rayuan boleh dibuat melalui sekolah masing-masing.

Keputusan permohonan rayuan kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 akan dimaklumkan pada **1 Ogos 2022** melalui portal yang sama. Murid yang tidak mempunyai capaian internet, keputusan permohonan rayuan akan dimaklumkan oleh pihak sekolah pada tarikh yang sama.

Murid yang ditawarkan ke Tingkatan Enam perlu melapor diri pada **25 Julai 2022** di Kolej atau Pusat Tingkatan Enam yang dinyatakan dalam surat tawaran. Bagi ambilan rayuan, tarikh lapor diri adalah pada **2 Ogos 2022**.

KPM sentiasa komited untuk terus melaksanakan yang terbaik.

– TAMAT –

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2 JULAI 2022